

Maran rancak membangun

NOR KHALILAH GUSTI HASSAN

20 APRIL 2018



Facebook



Twitter



WhatsApp



Email



More 1K



MARAN - Merupakan daerah ke-10 daripada 11 daerah di Pahang. Terdapat dua Parlimen yang menaungi daerah Maran iaitu Parlimen Maran dan Kuala Krau.

Di bawah Parlimen Maran, terdapat tiga Dun iaitu Luit, Kuala Sentul dan Chenor, manakala Dun Jengka yang pentadbirannya di bawah daerah Maran, dinaungi Parlimen Kuala Krau.

Dari segi geografinya, kawasan di Parlimen Maran merupakan kawasan yang dikelilingi hutan simpan negeri Pahang. Ia menyimpan banyak khazanah negara dengan panorama menarik seperti Taman Rekreasi Che Minah Sayang dan Lubuk Yu, manakala pekan-pekan kecil yang terdapat di dalam Parlimen ini adalah Pekan Tajau, Pekan Awah, Pekan Chenor dan Pekan Sungai Jerik yang juga digelar Tong Kiat.

Dari sudut demografi pula, Parlimen Maran mempunyai hasil pertanian, penternakan dan hasil industri yang menjana ekonomi penduduk.

Kepesatan dan kerancakan ekonomi ini justeru dilihat sebagai pemacu penting dalam pembangunan infrastruktur untuk kemajuan Parlimen Maran. Banyak bangunan lama telah digantikan dengan yang baharu, antaranya Kompleks Mahkamah Syariah yang tersergam indah dengan seni bina lebih moden dan mesra pengunjung serta pembinaan Arena YAM Tengku Mahkota Pahang yang menjadi hab perlaksanaan program-program berskala besar di sini.

Pembinaan infrastruktur dan fasiliti di setiap Dun di Parlimen ini juga sememangnya rancak beroperasi seperti pembinaan Dewan Semai Bakti dan projek perpaipan dalam Wilayah Jengka di Dun Kuala Sentul, penaiktarafan jalan berskala mega di Dun Chenor serta Projek Pembinaan Hospital Maran dan Dewan Pekan Tajau di Mukim Luit.

Cadangan mewujudkan Projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) yang merentasi daerah ini juga dilihat bakal mengubah landskapnya sekaligus merancakkan ekonomi penduduk di Parlimen tersebut.

Sememangnya, ECRL dikenal pasti sebagai projek berimpak tinggi yang akan menjadi tunjang infrastruktur pengangkutan di Parlimen Maran. Bahkan ia dilihat sebagai satu penggerak utama dalam menghubungkan pusat ekonomi seperti Lembah Klang termasuk kawasan perindustrian, agar lebih pantas, mudah dan cekap.

Projek ini nanti akan melengkapkan infrastruktur jalan raya atau lebuh raya sedia ada, seperti Lebuhraya Pantai Timur.

Sementara itu, sektor pendidikan amat ditekankan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dengan kewujudan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri, Sekolah Rendah Agama Rakyat, Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Kebangsaan, Maahad Tahfiz dan Kolej Vokasional Pertanian Chenor.

Terdapat Klinik Kesihatan, Klinik Desa, Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-Kanak, dan kemudahan Pusat Internet 1Malaysia di setiap Jengka dan kampung tradisional sekitar daerah ini.

Hampir setiap Mukim dan kawasan disediakan dengan sekurang-kurangnya sebuah masjid dan diuruskan sepenuhnya oleh pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang. Masjid As-Syakirin yang terletak di tengah bandar merupakan salah satu mercu tanda keharmonian masyarakat dalam beribadah.